

0778

R B785 AAB  
MAHATHIR - KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 12 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA KEKUSUTAN EKONOMI YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA PADA TAHUN 80-AN DISEBABKAN OLEH SEORANG BEKAS MENTERI KEWANGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MASALAH KEWANGAN ITU TIMBUL DAN BERPANJANGAN AKIBAT SEORANG MENTERI KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 70-AN DAN AWAL TAHUN 80-AN ASYIK BERHUTANG DARI MERATA TEMPAT. BELIAU TIDAK MENYEBUT NAMA MENTERI ITU.

WALAU BAGAIMANAPUN, KERAJAAN BERJAYA MENGUKUHKAN KEWANGAN NEGARA UNTUK MEMBAYAR SEMULA HUTANG ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA MELANCARKAN MANIFESTO BARISAN NASIONAL DI IBU PEJABAT BN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

+SEKARANG KITA SUDAH BERJAGA-JAGA SEHINGGA DAPAT MEMBAYAR SEMULA HUTANG ITU SEHINGGA HUTANG-HUTANG ITU TERLEBIH BAYAR MENGIKUT JADUAL,+ JELASNYA.

+SAYA INGAT TIADA NEGARA MEMBANGUN LAIN DALAM DUNIA INI YANG BERUPAYA MELAKUKAN SEPerti APA YANG KITA LAKUKAN, SEKALIPUN AMERIKA SYARIKAT,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.  
1238MST 12 10 90

R B786 AAB  
MAHATHIR - KEWANGAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, PARTI PEMBANGKANG TIADA ISU UNTUK DITIMBULKAN SEHINGGA MEREKA MENDAKWA KONONNYA RANCANGAN TELETON YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MencARI DUIT BAGI MEMBANTU PESAKIT JANTUNG DAN BUAH PINGGANG DISALAH ERTIKAN SEBAGAI HENDAK MencARI DUIT BAGI BN.

MENURUTNYA, MEREKA MENDAKWA KONONNYA KERAJAAN HENDAK MENGAMBIL 75 PERATUS DARIPADA \$2 JUTA YANG BAKAL DIKUTIP MELALUI PROJEK ITU UNTUK DIBELANJAKAN BAGI KEMPEN PILIHAN RAYA BN SEDANGKAN ADA PULA AKHBAR YANG MENDAKWA KONONNYA BN HENDAK MEMBELANJAKAN SEHINGGA \$1,000 JUTA BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM INI.

MENGENAI DAKWAAN PEMBANGKANG BAHAWA SISTEM DUA PARTI BAGUS UNTUK NEGARA INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SISTEM ITU LEMAH DAN TIDAK ELOK UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH NEGARA INI.

KATANYA, MASALAH NEGARA INI HANYA DAPAT DISELESAIKAN JIKA IA MEMPUNYAI KERAJAAN YANG KUKUH.

SEBAGAI CONTOH, DI AMERIKA SYARIKAT YANG MENGAMALKAN SISTEM DUA PARTI, KERAP BERLAKU PERCANGGAHAN URUSAN PENTADBIRAN APABILA KONGRES DAN SENAT DIKUASAI OLEH PARTI BERLAINAN.

ADA KETIKANYA PRESIDENNYA ENGGAN UNTUK MENANDATANGANI PELBAGAI BIL KEWANGAN YANG DIPUTUSKAN OLEH DEWAN PERWAKILAN YANG DIKUASAI OLEH PARTI LAIN MENYEBABKAN URUSAN KERAJAAN TERGENDALA JELASNYA. -- BERNAMA.

1243MST 12 10 90